BOK CHEK THOU & SATU LAGI

lwn.

LOW SWEE BOON & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ABDUL HAMID SAID PK
[RAYUAN SIBIL NO: 12-33 TAHUN 1998]
11 JUN 1999

GANTIRUGI: *Kuantum - Tuntutan gantirugi - Samaada Borang J boleh digunakan sebagai keterangan yang muktamad*

Ini adalah satu kes rayuan plaintif terhadap keputusan Mahkamah Sesyen di mana ianya hanya terhad kepada isu kuantum sahaja. Kes ini merupakan satu tuntutan plaintif-plaintif untuk gantirugi bagi kecederaan yang dialami terhadap defendan-defendan dalam satu kemalangan. Di dalam kes ini isu-isu yang berkaitan adalah samaada Borang J bagi tahun-tahun yang berkenaan boleh diterimapakai sebagai keterangan untuk pengiraan awad dan samaada awad-awad yang telah diberikan adalah berpatutan.

Diputuskan:

[1] Asas awad yang diberikan adalah berdasarkan budibicara mahkamah yang mengambil kira keterangan saksi dan tidak bergantung sepenuhnya pada pengisytiharaan borang cukai memandangkan perbezaan pendapatan dari tahun ke setahun dan tidak muktamad.

[2] Tuntutan plaintif pertama untuk kos bagi mendapatkan seorang pekerja tambahan kerana kehilangan keupayaannya bekerja merupakan satu tuntutan gantirugi khas. Adalah menjadi kenyataan umum bahawa jumlah pekerja yang diperlukan bergantung kepada jumlah perdagangan. Untuk membuktikan ini, plaintif pertama perlu memberi bukti-bukti ketat atau sahih tentang pesanan membeli atau membaiki peti sejuk, di mana plaintif gagal untuk memplidkan kerugiannya mahupun mengemukakan sebarang bukti-bukti yang berkenaan. Plaintif pertama sepatutnya mengukuhkan tuntutannya dengan keterangan dan dokumen yang menunjukkan secara terperinci asas tuntutannya.

[3] Dalam kecederaan yang dialaminya, plaintif kedua tentu sekali akan menghadapi kehilangan keupayaan pendapatan pada masa hadapan. Bagi kecederaan 'fracture of right femur with osteomyelitis', awad RM15,000 dikekalkan. Awad bagi kecederaan 'compound fracture of tibia and fibula' berjumlah RM20,000 dikekalkan kerana tidak dirayu dalam rayuan ini. Bagi kecederaan 'laceration and scars' pula, mahkamah memberi awad RM12,000 memandangkan awad Mahkamah Sesyen terlalu rendah.

[4] Awad bagi kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua pula dihuraikan satu persatu memandangkan Mahkamah Sesyen memberi awad secara keseluruhan. Bagi kecederaan di kepala, mahkamah memberi awad berjumlah RM12,000 berdasarkan kes *Low You Choy & Anor v. Chan Mun Kit & Anor*. Bagi kecederaan 'fracture of right femur, second and third metatarsal', awad yang diberikan adalah RM22,000 berdasarkan kes *Balachandar Palanysamy v. Asiatic Development Bhd & Anor*. Bagi kecederaan 'symphysis pubic diasthesis with right sacroilic joint daithesis' awad yang diberikan adalah RM35,000, dan bagi kecederaan 'haemotama, laporotomy and scars' awad yang diberikan adalah RM10,000 dan RM4,000.

[Rayuan plaintif-plaintif dibenarkan, perintah sewajarnya.]

Kes yang dirujuk:

Abdullah Abdul Rahman & Ors v. Wong Hee & Anor [1995] Mallal's Digest 397 ***(dirujuk)***

Appalasamy Bodoyah v. Lee Mon Seng [1996] 3 CLJ 71 ***(dirujuk)***

Balachandar Palanysamy v. Asiatic Development Bhd & Anor [1995] 2 CLJ 783 ***(diikuti)***

Caswell v. Powell Duffryn Associated Collienies Ltd [1940] AC 152 ***(dirujuk)***

Er Siew Keng v. Eng Thiang Lai [1990] Mallal's Digest Year Book ***(dirujuk)***

Fatimah Derahman v. Wan Jusoh Wan Kolok & Anor [1994] 4 CLJ 537 ***(dirujuk)***

Guan Soon Tin Mining Co v. Wong Fook Kim [1969] 1 MLJ 99 ***(dirujuk)***

H & R Johnson Tiles Ltd & Anor v. A & R Johnson (M) Bhd [1998] 4 MLJ 13 ***(dirujuk)***

Leng Yang Sua & Anor v. Ng Yau Kee & Anor [1986] 1 CLJ 346 ***(dirujuk)***

Low You Choy & Anor v. Chan Mun Kit & Anor [1992] Mallal's Digest 329 ***(diikuti)***

Mohamed Nordin Mohamad Zahari & Anor v. Kerajaan Malaysia & Anor [1993] 4 CLJ 451 ***(dirujuk)***

Seow Gek Soo v. Chia Man Fook [1989] 1 CLJ 985 ***(dirujuk)***

Sundram v. Arujunan [1994] 4 CLJ 300 ***(refd)***

Yang Salbiah & Anor v. Jamil Harun [1981] 1 MLJ 292 ***(dirujuk)***

Yee Yat Wah v. Hoo Wong & Anor; Shim Thim Tong (Third Party) [1994] Mallal's Digest 530 ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu - Jaspal Singh Gill; T/n Raghbir Singh, Norizan & Co
Bagi pihak respondan - Ratnavathy Navaratnam; T/n Matthew Thomas & Liew

Dilaporkan oleh Farah Naim

PENGHAKIMAN

Abdul Hamid Said PK:

Ini ialah suatu kes rayuan plaintif. Rayuan ini terhad kepada isu kuantum saja.

Pada 26 November 1995, plaintif pertama menunggang motosikal MAA 4215. Plaintif kedua adalah pemboncengnya. Mereka menaiki motosikal tersebut dari arah Melaka menuju ke Tanjung Minyak, Melaka. Di simpang Jalan Cheng Lama perlanggaran telah berlaku dengan motokar MY 3783.

Semasa perbicaraan di Mahkamah Sesyen liabiliti dipersetujui 10% plaintif 1 & 2 dan defendan 90%.

Pada masa kemalangan plaintif pertama berniaga bilik sejuk komersial. Syarikat Yong Tuck Refrigerator Co. telah ditubuhkannya pada 15 November 1985 dan plaintif pertama adalah pemilik tunggal.

Plaintif kedua adalah pekerja plaintif pertama. Plaintif kedua berkata bahawa ia telah bekerja selama empat bulan dengan plaintif pertama iaitu semenjak bulan Julai 1995. Kerjanya melibatkan pemasangan motor, condenser, mengisi gas dan membaiki peti sejuk industrial.

Di dalam keterangan di mahkamah plaintif pertama menerangkan bahawa keuntungan syarikatnya bagi tahun 1997 ialah RM17,608.94. Bagi Tahun Taksiran 1996 pendapatan plaintif pertama ialah RM73,090. Dan bagi Tahun Taksiran 1997 pendapatan plaintif pertama ialah RM53,197. Ini mengikut Borang Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran berkenaan. Dokumen-dokumen ini telah dipersetujui.

Peguam plaintif pertama bersandarkan kepada Borang J – Notis Taksiran – Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tahun 1996 bagi kehilangan keupayaan pendapatan. Biasanya pendapatan firma kepunyaan tunggal diisytiharkan bagi tahun sebelumnya. Ini bermakna tahun taksiran 1996 adalah bagi tahun 1995 dan tahun 1997 bagi tahun 1996.

Di dalam kes ini isunya ialah samada Borang J bagi tahun-tahun berkenaan boleh diterima pakai sebagai keterangan. Saudara saya, YA Dato' Abdul Malik Ishak, HMT, di dalam kes *Appalasamy a/l Bodoyah v. Lee Mon Seng* [1996] 3 CLJ 71 *(Appalasamy)* mengatakan bahawa:

> In assessing damages for loss of earnings, reliance on assesements of income tax can never be conclusive. They cannot be used to gauge the actual earnings of a plaintif without details of deductions incurred by him.

Apa yang berlaku di dalam kes tersebut di atas, YA telah mengambil kira keterangan saksi di mahkamah sebagai asas awad yang diberi dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pengisytiharan dalam borang cukai pendapatan. Nyata juga di dalam kes tersebut bahawa pendapatan plaintif berbeza dari tahun ke setahun.

Keputusan ini, kepada saya, sejajar dengan keputusan YA, Haidar Ali H, pada masa itu, di dalam kes *H & R Johnson Tiles Ltd. & Anor v. A & R Johnson (M) Bhd.* [1998] 4 MLJ 13, (Johnson) di ms 20 garis B-C:

> In the circumstances, I rule that the contents of the documents in the bundle of documents ... form part of the evidence before the court. It is a matter entirely for the party having agreed to the document to rebut or reduce the evidential or probative effect of the contents of the document by other evidence.

Di dalam keterangan di mahkamah plaintif pertama cuma memberi keterangan bahawa pada 31 Disember 1997 pendapatan syarikatnya ialah RM17,608.94. Dalam tahun 1996 pendapatan plaintif pertama ialah RM53,197. Tiada soalan lain semasa pemeriksaan utama atau balas tentang pendapat plaintif pertama bagi tahun 1995 atau 1998.

Bagi pendapatan plaintif pertama bagi tahun 1996 adalah bagi menjawab soalan peguam defendan. Bagi pendapatan tahun 1997, ini tidak dicabar. Tetapi apa yang tidak dibangkitkan peguam plaintif pertama mengapa kekurangan pendapat ini. Saya bersetuju dengan keputusan saudara saya, YA Hakim Malek Ishak di dalam kes *Appalasamy* memutuskan bahawa penilaian gantirugi bagi kehilangan pendapatan berdasarkan Borang J tidak mungkin muktamad. Tiada ada keterangan lain yang dikemukakan di mahkamah berkaitan tuntutan plaintif pertama.

Di dalam hujahnya di Mahkamah Sesyen peguam plaintif cuma mengambil kira jumlah pendapatan tahun 1995 dan ditolak dengan pendapatan 1996 dan bakinya menjadi kehilangan pendapatan bulanan tanpa mengambil kira trend turun naik perdagangan ataupun membuktikan kehilangan pendapatan secara spesifik. Hakim Mahkamah Sesyen semasa menolak tuntutan ini memberi sebab-sebab berikut:

> As regards the claim for loss of earnings, the burden is on the first plaintiff to prove the claim.

Hakim Mahkamah Sesyen kemudian memetik keputusan YAA hakim Ong Hock Thye, CJ, pada masa itu, di dalam kes *Guan Soon Tin Mining Co. v. Wong Fook Kim* [1969] 1 MLJ 99 *(Guan Soon)*. Hakim Mahkamah Sesyen kemudiannya memberi sebab mengapa ia menolak tuntutan plaintif pertama iaitu:

(i) Kegagalannya menunjukkan akaun untung rugi syarikat.

(ii) Borang J yang ditunjukkan tidak berapa berguna.

(iii) Tiada bukti yang plaintif pertama membuat bayaran kepada pekerja-pekerjanya. Kes *Guan Soon* dipetik.

(iv) Kegagalan plaintif pertama memberi kenyataan yang memuaskan tentang kehilangan pendapatannya (Kes *Leng Yang Sua & Anor v. Ng Yau Kee & Anor* [1986] 1 CLJ 346 *(Leng Yang)* dipetik.

Di dalam kes *Leng Yang,* YA hakim Shankar, pada masa itu berkata:

> But where evidence is or ought to be available and is not produced, the court should not be left to speculate what would be an appropriate sum to award.

Plaintif pertama telah juga menuntut kos mendapatkan seorang pekerja tambahan kerana kehilangan keupayaannya bekerja. Tuntutan ini merupakan tuntutan ganti-rugi khas. Adalah menjadi kenyataan umum bahawa jumlah pekerja yang diperlukan bergantung kepada jumlah perdagangan. Untuk membuktikan ini, plaintif pertama perlu memberi bukti-bukti ketat atau sahih tentang pesanan membeli atau membaiki peti sejuk. Ini tiada dilakukan.

Di dalam plidingnya di bahagian Butir-Butir Kerugian Khas plaintif pertama (63) tiada disebut tentang kerugiannya kerana mendapatkan pekerja lain. Yang disebut ialah di perenggan (C) iaitu kerugian pendapatan sebanyak RM __ untuk __ bulan dan seterusnya. RM ___

Di dalam keadaan di mana testimoni plaintif pertama dan kedua telah didapati tidak benar, maka adalah wajar bagi kedua-duanya membuktikan keterangan sebenar dengan dokumen bertulis yang boleh diterima mahkamah sebagai menyokong tuntutan mereka. Di dalam kes ini baucer bayaran dimasukkan untuk menyokong tuntutan plaintif kedua yang didapati tidak benar sama sekali.

Apakah andaian mahkamah di dalam keadaan begini? Di dalam kes *Caswell v. Powell Duffryn Associated Collienies Ltd.* [1940] AC 152, dan dipetik oleh HMA, YAA Edgar Joseph di dalam kes *Sundram v. Arujunan* [1994] 3 CLJ 300; [1994] 3 MLJ 361.

> Inference must be carefully distinguished from conjecture or speculation. There can be no inference unless there are objective facts from which to infere the other facts which is sought to establish. In some cases the other facts can be inferred with as much practical certainty as if they have been observed. In other cases the inference does not go beyond reasonable probability. But if there are no positive proved facts from which the inference can be made, the method of inference fails and what is left is mere speculation or conjecture.

Fakta-fakta objektif di dalam kes ini berkaitan dengan keterangan-keterangan yang dibuat oleh saksi-saksi. Mengkaji keterangan plaintif pertama saya dapati cuma satu soal jawab saja berkenaan pendapatannya. Menyedari bahawa tuntutannya adalah berkaitan gantirugi khas, plaintif pertama sepatutnya mengukuhkan tuntutannya dengan keterangan dan dokumen yang menunjukkan secara terperinci asas tuntutannya.

Borang J Jabatan Hasil Dalam Negeri membuktikan pendapatan bagi tahun keterangan yang diisytihar. Saya berpendapat ia tidak semestinya bukti lengkap bagi pendapatan tahun-tahun akan datang kerana pendapatan dalam perniagaan masa akan datang bergantung juga kepada trend ekonomi negara dan juga permintaan barangan yang dijual. Tambahan plaintif pertama gagal membuktikan bahawa kehilangan pendapatan dan keperluan pekerja lain ada kaitan dengan kecederaan yang dialaminya membawa padah kepada tuntutannya bagi kehilangan pendapatan dan pekerja tambahan.

Defendan-defendan telah memanggil DW1, Pegawai Akaun KWSP Ibu Pejabat, Kuala Lumpur untuk memberi keterangan. DW1 mengesahkan bahawa majikan plaintif kedua dari bulan Januari 1995 hingga Oktober 1995 ialah sebuah syarikat di Johor Baru. Caruman plaintif kedua ialah RM102 sebulan. Ini bermakna gajinya ialah RM463 sebulan. DW1 juga mengesahkan bahawa syarikat plaintif pertama tidak buat bayaran untuk plaintif kedua. Apabila plaintif pertama dipanggil semula memberi keterangan ia mengaku bahawa plaintif kedua bekerja separuh masa dan plaintif kedua datang dan menolong apabila syarikat ambil barang berat. Ini menjadikan plaintif kedua, pekerja sambilan dan bukan seorang mekanik tetap.

Plaintif kedua apabila dipanggil semula menerangkan bahawa pada tarikh kemalangan ia bekerja sepenuh masa pada 26 November 1995. Saya tidak dapat menerima keterangan plaintif kedua tentang bila ia bekerja dengan syarikat plaintif pertama kerana baucer bayaran di ms 208 Rekod Rayuan adalah bagi gaji bulan Ogos, September, Oktober dan November 1995 adalah rekaan belaka. Ini ialah kerana plaintif pertama sendiri mengaku bahawa plaintif kedua mula bekerja dengannya dalam bulan November 1995.

Walaupun telah terbukti pada akhir kes ini bahawa plaintif kedua dan disokong plaintif pertama telah berbohong, peguam plaintif-plaintif masih berhujah pada akhir perbicaraan yang plaintif kedua kehilangan pendapatan RM1,200 satu bulan. Walhal jika dilihat baucer bayaran di ms 209 Rekod Rayuan adalah nyata bahawa pendapatan bulanan plaintif kedua bagi bulan November 1995 bagi gaji dan elaun kerja lebih masa berjumlah cuma RM900 bagi bulan itu. Tetapi bagi bulan Disember 1995 dan hingga Mac 1996 tiada baucer. Oleh kerana gaji dan elaun kerja lebih masa bagi bulan Ogos hingga Oktober 1995 adalah yang diada-adakan, maka nyata bahawa gaji dan elaun lebih masa

plaintif kedua juga tidak dapat diterima tanpa sokong akaun untung dan rugi dan bayaran KWSP. Malahan di ms 207 yang merupakan taksiran pendapatan 1996 tiada disebut sama sekali jumlah panggajian pekerja kecuali isteri plaintif pertama.

Gaji semasa bekerja plaintif kedua berdasarkan akaun KWSP ialah RM463. Gajinya selepas berhenti dari plaintif pertama ialah RM500 (35). Yang demikian tiada kehilangan pendapatan. Walaupun demiikian saya berpendapat kecederaan plaintif kedua amat teruk sekali. Mengikut lapuran perubatan pakar plaintif kedua telah mengalami:

> ... sustained serious injuries to the head, pelvis, right thigh and right foot ... permanent pubic diathesis ... the right foot is in inversion ... there is 1 cm. shortening with severe limitation of movement of the right hip, right ankle and toe. There is no movement on internal rotation of the right hip.

Di dalam kes *Yang Salbiah & Anor. v. Jamil bin Harun* [1981] 1 MLJ 292 di ms 295, YAA Raja Azlan Shah HBM, pada masa itu, memutuskan:

> If we are not to shirk our duty to apply the pinciple of law that the compensation should as nearly as possible put the party who has suffered in the same position as he would have been in if he had not sustained the wrong ... we must do the best we can as we are enjoined by authority to do in the circumstances of this cases and the evidence or rather in the absence of it ...

Kenyataan ini dibuat bawah tuntutan kos jagaan masa depan.

Dengan kecederaan yang dialaminya plaintif kedua tentu sekali akan menghadapi kehilangan keupayaan pendapatan pada masa hadapan. Memandangkan jenis kerja yang dilakukan plaintif kedua, saya memutuskan bahawa ada kehilangan keupayaan. Saya anggarkan kehilangan keupayaannya sebanyak RM200 sebulan x 168 bulan = RM33,600. Awad ini tanpa faedah.

Gantirugi Am:
Plaintif Pertama

Mengikut lapuran doktor plaintif pertama mengalami kecederaan seperti berikut:

(i) Fracture Of Right Femur With Osteomyelitis

Di dalam hujahnya di hadapan saya berkaitan kecederaan, peguam perayu, awad berpatutan ialah RM45,000 tidak termasuk parut. Ini ialah kerana adanya "disabilities." Dalam kes *Seow Gek Soo alias Yeo Gek Soo v. Chia Man Fook* [1989] 1 CLJ 985 di mana YA Dato' Haji Abdul Malek bin Hj. Ahmad, pada masa itu, memberi awad RM22,000 bagi kecederaan yang sama dengan kependekan 1 c.m. dan residual disabilities. Sementara di dalam kes *Er Siew Keng v. Eng Thiang Lai* (1990) *Mallal's Digest Year Book*, YA Abu Mansor Ali, pada masa itu, memberi awad RM45,000 bagi kecederaan keseluruhan kaki kanan plaintif.

Di dalam kes ini ada kesakitan peha kanan dan bahagian bawah kaki kanan. Plaintif tempang semasa berjalan dan tidak boleh menyangkung sepenuhnya.

Di dalam hujah peguam plaintif ia mencadangkan RM16,000 dan awad hakim Mahkamah Sesyen RM15,000. Ini tidaklah terlalu rendah. Saya mengekalkan awad ini.

(ii) Compound Fracture Of The Tibia And Fibula

Dalam hujahnya di Mahkamah Sesyen peguam plaintif mencadangkan RM31,500 bagi kecederaan di atas. Mahkamah Sesyen memberi awad RM20,000.

Di dalam rayuannya awad Mahkamah Sesyen tidak dirayu. Yang demikian saya mengekalkan awad ini.

(iii) Laceration And Scars

Dalam hujahnya di Mahkamah Sesyen peguam plaintif berhujah bahawa awad di bawah kepala ini ialah RM15,000 mahkamah itu memberi awad RM4,000. Di hadapan saya peguam mencadangkan RM15,000. Ia bersandarkan kepada kes *Mohamed Nordin bin Mohamad Zahari & Anor v. Kerajaan Malaysia & Anor* [1993] 4 CLJ 451 di mana awadnya ialah RM15,000. Saya memutuskan ini terlalu tinggi dan awad Mahkamah Sesyen terlalu rendah. Jumlah RM12,000 adalah berpatutan memandangkan ada lapan parut semuanya termasuk parut bedah.

Plaintif Kedua

Bagi kecederaan tersebut di bawah ini Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat awad keseluruhan (global awad) berjumlah RM48,000.

Di dalam kes *Yang Salbiah & Anor v. Jamil bin Harun* [1981] 1 MLJ 292, YAA Raja Azlan, HBM, pada masa itu memutuskan bagi pihak Mahkamah Persekutuan.

> A global award has the distinct advantage of covering a multitude of sins. It does not show where or how the judge had erred, on the side of over generosity or on the side of parsimony. But there is at least one good reason why a global award should be discouraged.
>
> It must be remembered that the purpose of damages is to try, so far as humanly possible, to put the victim back to the position he would have been in but for the accident. The damages must be fair, adequate and not excessive ...
>
> ... the trend of modern authorities is not towards awards of global sums but towards awards under particular heads of claim. m.s. 293-294 G-1-kanan.

Oleh kerana awad diberi secara global, maka saya telah memanggil semula peguam plaintif dan defendan untuk berhujah tentang kecederaan plaintif kedua satu persatu. Berdasarkan hujah baru saya membuat keputusan seperti berikut:

(i) Kecederaan Dikepala

Hujah peguam plaintif ialah RM12,000 berdasarkan *Low You Choy & Anor v. Chan Mun Kit & Anor (1992) Mallal's Digest* 329 di mana Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur memberi awad RM15,000 bagi "pain, suffering and loss of consciousness in respect of fracture of left frontal cranial fossa and subdural clot at left temporal pole."

Di dalam kes ini kecederaannya adalah "Cerebral Injury" dengan lapuran pakar yang mengatakan "His head injury has resolved well with no residual disability."

Saya memutuskan bahawa jumlah RM12,000 adalah berpatutuan dengan kecederaan ini.

(ii) Fracture Of Right Femur, Second And Third Metatarsal

Peguam plaintif berhujah kecederaan-kecederaan di atas dikira sekali. Kecacatannya menunjukkan kakinya telah pendek 1 c.m. Tempat patah telah bersambung dengan baik dan ada "evidence of chronic osteomyelitis." ms 218 R.R.

Dalam kes *Yee Yat Wah v. Hoo Wong & Anor; Shim Thim Tong (Third Party), (1994) Mallal's Digest* ms 530, Mahkamah Tinggi awadkan RM11,000 bagi kecederaan yang sama tetapi dengan kependekan 0.5 c.m. Di dalam kes *Balachandar a/l Palanysamy v. Asiatic Development Bhd. & 1 lagi* [1995] 2 CLJ 783, mahkamah awad RM40,000 bagi kecederaan dikaki termasuk patah ditulang peha dan tempurung lutut.

Kes ini melibatkan patah tulang peha dan metatarsal dan ada juga disabilities. Saya memutuskan RM22,000 adalah berpatutan.

(iii) Symphysis Public Diasthesis With Right Sacroiliac Joint Diathesis

Dalam laporan pakar, plaintif kedua dikatakan mengalami ... "1 cm bone shortening with severe limitation of movement of the right hip, right knee, right ankle and tow. There is no movement on internal rotation of the right hip." ms 218 RR.

Peguam berhujah bahawa dalam kes *Fatimah bte Derahman v. Wan Jusoh bin Wan Kolok & Anor* [1994] 4 CLJ 537, YAA Dato' Haji Lamin bin Haji Mohd Yunos, HMP, pada masa itu, memutuskan awad RM40,000 bagi "Fracture of the pelvis – separation of the sacro illiac joint fracture of the left acetabulum. Fracture of both rami of the public bone."

Peguam defendan menghujahkan RM15,000 berdasarkan kes *Abdullah bin Abdul Rahman & Ors v. Wong Hee & Anor (1995) Mallal's Digest 397.* Disabilities di dalam kes yang dipetik adalah berlainan dari kes di hadapan saya. Saya memutuskan jumlah RM25,000 berpatutan memandangkan ada "separation of the pubic bones limitation of movement of the right hip and no rotation of the right hip."

(iv) Haemotama, Laporotomy And Scars

Bagi haematoma dan parut-parut, ada lapan parut termasuk dari parut pembedahan, saya awad RM7,000 berdasarkan kepada kes *Balachandar* di atas. Bagi pembedahan laporotomy, saya memberi awad RM10,000 saja berdasarkan kepada hujah peguam defendan.

Sebagai bandingan saya turunkan keputusan mahkamah dan hujah peguam:

Gantirugi Am

Plaintif pertama

Kecederaan	**Hujah Peguam**	**Awad**	**Mahkamah Tinggi**
i) Fracture of right femur with osteomyelitis	RM16,000	RM15,000	RM15,000
ii) Compound fracture of tibia and fibula	RM31,500	RM20,000	RM20,000
iii) Laceration and scars		RM 1,000 (Lacerations)	
	RM15,000	RM 3,000 (scars)	
		RM39,000	
	_____	RM 3,900	RM12,000
	RM62,500	RM35,100	RM47,000
	========	========	========
	kurang 10% bagi tindihan		RM4,700
			_____
	Atas 100%		RM42,300
			========

Gantirugi Am

Plaintif kedua

Kecederaan	**Hujah Peguam**	**Awad**	**Mahkamah Tinggi**
(1) Cerebral injury with skull fracture	RM12,000	Global award RM48,000	RM12,000
(2) Fracture of right femur - 1 cm shortening			RM22,000 (2) & (3)
(3) Fracture of right second and third metatarsal	RM60,000		
(4) Symphysis pubic diasthesis with right sacroiliac joint diathesis			RM35,000
(5) Laparotomy Scars/Haematoma)	RM15,000 RM 8,000		RM10,000 RM 4,000
	RM95,000 ========	RM48,0000 =========	RM83,000
	kurang 10% bagi tindihan		RM 8,300
	Atas 100%		RM74,700 ========

Saya juga kurangkan 10% bagi penindihan dan 10% lagi bagi liabiliti yang dipersetujui serta 3/4 kos kepada plaintif. Faedah seperti dipohon.